

# Selangor pasar produk IKS ke luar negara

117 2 3 MAY 2002

**K**UALA LUMPUR 22 Mei — Selangor menjadi negeri pendahulu di Malaysia dalam memasarkan produk keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ke peringkat antarabangsa khususnya ke pasaran Amerika Syarikat (AS), Kanada dan Mexico.

Untuk itu, Selangor melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah mengadakan kerjasama dengan Armada Global Inc., syarikat yang berpangkalan di AS untuk memasarkan produk keluaran IKS khususnya ke negara-negara yang mempunyai pasaran yang besar itu.

Pengarah Armada Global, Hayati Kassim berkata, usaha menggerakkan keluaran IKS Selangor itu dibuat hasil dorongan daripada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohammad Khir Toyo yang mahukan pasaran keluaran IKS itu dieksport.

“Melalui kerjasama serta daya tahan melalui cabaran banyak produk keluaran IKS Selangor kini telah mula menembusi pasaran Amerika Syarikat,” katanya yang menghubungi *Utusan Malaysia* dari Amerika Syarikat hari ini.

Armada Global adalah syarikat yang ditubuhkan di AS tetapi tenaga utama syarikat berkenaan dikuasai oleh rakyat Malaysia.

“Inilah cara kami membantu pengusaha tempatan memasarkan produk dan Kerajaan Selangor telah menyahut cabaran ini.

“Kalau tidak ada masalah kerana Menteri Besar sendiri akan merasmikan pelancaran usaha menembusi pasaran eksport ke Amerika itu, Julai ini,” kata Hayati.

Pendekatan yang diambil oleh Armada dan PKPS ini juga tercetus hasil daripada dorongan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan produk tempatan diperluaskan lagi pasaran ke AS.

“Kami telah menyahut cabaran Perdana Menteri dalam perkara ini dan kami berharap ia akan berterusan,” katanya.

## Kualiti

Katanya, setakat ini sebanyak 12 produk tempatan telah memasuki pasaran AS iaitu produk makanan seperti roti canai segera, sos lada hitam, sos cili, madu, serbuk kunyit dan pelbagai lagi.

“Kami mendapati penduduk di sini menggemari makanan Malaysia kerana harga yang berpatutan serta kualiti yang setanding di peringkat antarabangsa,” katanya.

Hayati berkata, sehingga kini sebanyak tiga kontena sebulan barangan Malaysia telah diimport ke AS dan

pihaknya menjangkakan ia akan bertambah dari semasa ke semasa.

“Kita akan menandatangani beberapa perjanjian dengan pengedar kita di AS bagi memperluaskan pasaran supaya jenama Malaysia mendapat perhatian di arena antarabangsa,” katanya.

Katanya, melalui kajian pasaran yang dijalankan juga untuk membolehkan lebih banyak produk menembusi pasaran, produk Malaysia perlu mempunyai cara pembungkusan seperti yang dikehendaki oleh pengedar.

“Kami berharap melalui kerjasama antara Armada Global Inc dengan PKPS ini lebih banyak produk tempatan yang bermutu akan muncul bagi membolehkannya menembusi pasaran Amerika Syarikat dengan secara lebih meluas lagi,” katanya.